

Anggota Exco Pas Letak Jawatan Jika Abdul Khalid Lantik Adun Umno
Bernama
August 13, 2014

SHAH ALAM, 13 Ogos (Bernama) -- PAS Selangor akan keluar daripada pentabiran kerajaan negeri Selangor jika Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melantik Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Umno untuk menyertai Exco kerajaan negeri.

Pesuruhjaya PAS Selangor Iskandar Abdul Samad berkata buat masa ini PAS masih sebahagian daripada parti komponen dalam pakatan pembangkang dan akan menjaga kepentingannya dalam kerajaan negeri itu.

"Kami masih membawa semangat Pakatan Rakyat dan berpegang kepada prinsip-prinsipnya.

"PAS juga tidak akan menuntut Adun PAS dilantik sebagai exco (dalam pentabiran kerajaan negeri Selangor sekarang)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Abdul Khalid yang dipecat sebagai anggota PKR dilaporkan berkata pihaknya masih boleh meneruskan pentadbiran kerajaan negeri bersama empat Exco PAS.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059972>